

03/09/1999

Ekonomi pulih tanpa dibebani hutang: PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, kerajaan memulihkan ekonomi negara tanpa terpaksa berputih mata dengan menanggung banyak hutang.

Perdana Menteri berkata, kejayaan itu akan membebaskan generasi akan datang daripada dibebani hutang keliling pingang. Malah, katanya, pemulihan ekonomi Malaysia tidak sampai ke tahap melelong harta.

"Malaysia berjaya mencapai apa yang orang lain mencapainya tanpa menanggung banyak hutang, generasi akan datang tidak dibebani masalah membayar balik hutang negara, tanpa menggadaikan harta warisan, tanpa melelongkan syarikat kepada pihak asing serta tanpa menggadaikan maruah bangsa.

"Jika mereka boleh berhujah bahawa yang lain mencapai kejayaan tanpa mengguna pakai kawalan mata wang, maka hujah boleh juga dipakai yang kita capai apa yang orang lain capai tanpa mengharungi penderitaan pengangguran.

"Tanpa tragedi kanak-kanak tidak ke sekolah, pemusnahan masyarakat kelas menengah yang kita ambil satu generasi untuk membinanya, tanpa rusuhan dan kegawatan politik di seluruh negara," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam ucap-tama bertemakan "Mengapa kawalan mata wang berpilih Malaysia diperlukan dan mengapa ia berjaya dilaksanakan." di Simposium Antarabangsa Mengenai Kawalan Modal dan Kerjasama Kewangan Asia, di sini hari ini.

Kira-kira 500 peserta menghadiri simposium sempena setahun kawalan modal diperkenalkan, termasuk penasihat khas kepada menteri kewangan Jepun, Dr Eisuke Sakakibara atau lebih dikenali sebagai "Mr Yen,". Majlis itu dianjurkan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).

Selepas itu, beliau mengadakan sesi soal jawab dengan peserta yang bertanya pelbagai perkara termasuk isu kawalan modal, perdagangan mata wang, Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan senario ekonomi serantau.

Dalam ucapan kira-kira sejam itu, Perdana Menteri berkata, apabila ternyata langkah itu berjaya dan Malaysia menuju ke arah pemulihan, timbul pula hujah terbaru bahawa kejayaan itu adalah jelas.

"Ekonomi-ekonomi yang dibantu IMF pun turut berjaya tanpa mengguna pakai kawalan mata wang. Tetapi berpegang pada hujah seperti itu adalah tidak masuk akal dan ternyata apa yang difikirkan Malaysia penting baginya dan mungkin tidak sepenting bagi negara lain," katanya.

Beliau berkata, ekonomi di negara Asia Timur berbeza dan oleh itu, ia bukan saja sukar untuk membuat perbandingan, malah tidak adil kerana setiap negara berhak menentukan keutamaan masing-masing dan memilih jalan sendiri ke arah pemulihan ekonomi.

Apa yang paling nyata, katanya, ialah langkah berani, tegas dan bukan ortodoks diambil Malaysia sejak 366 hari lalu, kini membuahkan hasil.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia tidak berpaling tadah terhadap pasaran bebas apabila menyekat kegiatan perdagangan mata wang.

Katanya, pasaran bebas masih boleh berfungsi tanpa dagangan mata wang dan tanpa kesan buruk ke atas perdagangan sebenar, manakala pelaburan asing ke dalam sektor produktif.

"Dasar kawalan modal yang diperkenalkan turut berjaya memulihkan ekonomi di samping beberapa langkah lain. Bercanggah dengan andaian pengkritik, langkah-langkah berkenaan bukannya keterlaluan, mencengkam mahupun menyusahkan," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak pernah menjangkakan kadar pemulihan yang begitu pantas seperti sekarang.

Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia bagi suku tahun kedua berkembang sebanyak 4.1 peratus berbanding dengan -5.2 peratus dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Katanya, peningkatan dalam rizab asing, eksport dan pasaran saham negara menunjukkan Malaysia mengambil langkah yang tepat.

(END)